

TEKS UCAPAN PERASMIAN

**YANG BERBAHAGIA PROFESOR DATUK TS. DR. ROZIAH JANOR
NAIB CANSELOR, UiTM**

SEMPENA

**MAJLIS PERASMIAN
*SMART AGRO-SOLARPRENEUR 2023***

1 FEBRUARI 2023 | RABU | 3.00 PETANG

**BANGUNAN CANSELERI
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
SHAH ALAM**

Terima kasih Saudara/ Saudari Pengerusi Majlis.

Bismillahirrahmanirrahim,

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan
Salam Sejahtera**

- **Yang Berusaha Tuan Hj. Mohammad Hazani Hj. Hassan**
Ketua Eksekutif, Malaysian Technology Development Corporation (MTDC)
- **Yang Berusaha Encik Mohammad Farish Nizar Othman**
Pengarah, Bahagian Pembangunan Teknologi,
Malaysian Technology Development Corporation (MTDC)
- **Yang Berusaha Puan Mariamah Hj. Daud**
Pengarah Bahagian Khidmat Korporat MTDC
- **Yang Berbahagia Profesor Ts. Dr. Salmiah Kasolang**
Penolong Naib Canselor Akademi PKS dan Pembangunan Keusahawanan Malaysia (MASMED)

- **Yang Berbahagia Profesor Ts. Dr. Mazidah Puteh**

Rektor UiTM Cawangan Terengganu

- **Yang Berbahagia Profesor Dr. Haji Abdol Samad Nawi**

Rektor, UiTM Cawangan Kelantan

- **Yang Berusaha Ts. Dr. Rohana Zur**

Pengarah Bahagian Pembangunan Keusahawanan,

- **Yang Berusaha Ts. Dr. Nik Roselina Nik Roseley**

Pengarah Bahagian Keusahawanan Pelajar,

- Ketua-ketua Jabatan dan Koordinator MASMED

- Para pensyarah, para pelajar dan tuan puan yang dihormati sekalian.

[SALUTASI- kemaskini berdasarkan kehadiran]

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya dapat kita berkumpul bersama-sama pada hari ini dalam Majlis Perasmian Projek ***Smart Agro-Solarpreneur 2023***.

2. Saya berbesar hati mengalu-alukan kehadiran ahli keluarga MASMED, para pendidik UiTM, staf UiTM, dan para tetamu kita dari Malaysian Technology Development Corporation (MTDC). Selamat datang ke UiTM dan semoga pertemuan pada hari ini bakal memberikan manfaat kepada semua pihak yang terlibat.

Hadirin yang dihormati sekalian,

3. Peranan MTDC sebagai agensi di bawah MOSTI yang terlibat secara khusus dalam pengkomersialan dan pemindahan teknologi, inkubasi, pengurusan dana kerajaan berkaitan teknologi serta peningkatan kadar penerapan teknologi dalam syarikat-syarikat PKS tempatan adalah sangat diperlukan untuk membantu perpindahan teknologi yang berkesan.

4. Untuk makluman, Projek *Smart Agro-Solarpreneur* ini merupakan projek yang telah dipersetujui bersama pelaksanaannya di UiTM Terengganu sebagai satu inkubator

keusahawanan yang akan dipantau sepenuhnya oleh pihak Akademi Pembangunan PKS dan Keusahawanan Malaysia (MASMED) UiTM Shah Alam.

5. Kami amat menghargai dan bersyukur di atas kesudian dan peluang yang diberikan oleh pihak MTDC untuk menaja sepenuhnya Projek Smart *Agro-Solarpreneur* melibatkan sejumlah RM150,000.00. Jutaan terima kasih diucapkan kepada pihak MTDC.

6. Projek ini telah mula dirancang pada awal tahun 2021 yang merupakan gabungan projek usahawan vendor Solar, Fertigasi dan Kelulut. Projek ini mendapat sokongan dan kelulusan daripada Majlis Eksekutif Universiti (MEU) pada bulan 4 Mac 2021. Matlamat projek ini bertujuan untuk memampangkan pembangunan keusahawanan pada peringkat Universiti. Seterusnya menyahut Dasar Keusahawanan Nasional 2030 (DKN 2030).

7. Dasar ini berfungsi menyokong pembangunan komuniti keusahawanan yang inklusif dan kompetitif, khususnya sektor PKS, yang mampu bersaing di pasaran global, serta merangsang

pembangunan kumpulan B40 dan usahawan sosial.

Hadiran yang saya hormati,

8. Semoga usaha pihak MTDC dalam menyokong pembangunan projek-projek keusahawanan di UiTM akan terus membawa hasil yang baik dan dapat membantu meningkatkan martabat keusahawanan di UiTM.

9. UiTM dengan penuh rasa bertanggungjawab akan cuba memastikan setiap sokongan dan sumbangan yang diberikan akan direalisasikan melalui siri kejayaan yang akan dapat dibanggakan. InshaAllah

10. Saya bagi pihak UiTM, sekali lagi mengucapkan jutaan terima kasih kepada pihak MTDC atas sokongan yang tidak berbelah bahagi ini.

11. Pada kesempatan ini, saya juga ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada MASMED dan UiTM Terengganu atas usaha serta komitmen yang berterusan dalam melestarikan aktiviti

keusahawanan Universiti.

12. Saya yakin, dengan kerjasama yang tidak terhingga daripada semua pihak, pastinya akan memberikan kekuatan dan impak positif kepada ekosistem Universiti.

13. Akhir kata, dengan lafaz ‘Bismillahirrahmanirrahim’ saya dengan ini merasmikan **Projek Smart Agro-Solarpreneur**.

Sekian.

Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalam Mualaikum

Warahmatullahi Wabarakatuh